

Isu Perundangan Mengenai Hukuman Jenayah Bunuh Oleh Kanak-Kanak di Malaysia.

ANITA ABDUL RAHIM



ABSTRAK

Jenayah bunuh disifatkan sebagai suatu jenayah yang sangat berat dan serius, sehingga undang-undang negara memperuntukkan hukuman bunuh ke atas pelakunya. Namun, dalam konteks kanak-kanak yang membunuh, hukuman tersebut terkecuali, malah terdapat undang-undang khusus yang memperuntukkan hukuman terhadap kanak-kanak yang membunuh. Sungguhpun hukuman khusus telah disediakan dalam sistem keadilan jenayah negara bagi kanak-kanak, tidak bermakna tiada permasalahan undang-undang berbangkit daripada peruntukan tersebut. Artikel ini mengulas kedudukan undang-undang Malaysia berhubung jenayah bunuh oleh kanak-kanak, serta mengenalpasti beberapa aspek perundangan penting dalam konteks hukuman yang diperuntukkan bagi kanak-kanak tersebut.

ABSTRACT

The rights of children to special protection of the law have been recognised by the international law and the United Nation Convention on the Rights of the Child (UNCRC). Though UNCRC is not a part of our domestic law but its influence on many provisions in the Malaysian Child Act 2001 is clear. One of the examples that can be found in regard to a child's right is an alternative punishment for the death penalty provided under section 97. This writing seeks to discuss the said provision of law and some legal issues pertaining to this type of punishment in Malaysia. It is identified that imprisonment is the most appropriate punishment to be imposed on children committing murder in Malaysia.

PENGENALAN

Kanak-kanak di Malaysia merujuk kepada mereka yang berumur kurang daripada lapan belas tahun. Manakala dalam konteks kesalahan jenayah, kanak-kanak merujuk kepada mereka yang berumur sepuluh tahun, dan di bawah lapan belas tahun. Perkara

ini telah jelas termaktub dalam seksyen 2 Akta Kanak-Kanak 2001 yang memperuntukkan;

“Kanak-kanak”

- (a) ertinya seseorang yang di bawah umur lapan belas tahun; dan
- (b) berhubung dengan prosiding jenayah, ertinya seseorang yang sudah mencapai umur bagi tanggungjawab jenayah sebagaimana yang ditetapkan dalam seksyen 82 Kanun Keseksaan.

Suatu bentuk pengecualian mutlak kepada kanak-kanak yang berumur kurang daripada sepuluh tahun yang melakukan apa-apa jenayah telah diperuntukkan di bawah seksyen 82 Kanun Keseksaan;

“Tidaklah menjadi kesalahan apa-apa jua yang dilakukan oleh kanak-kanak yang berumur kurang daripada sepuluh tahun”.

Justeru itulah kanak-kanak yang sudah mencapai umur sepuluh tahun dikira sebagai sudah boleh dipertanggungjawabkan dengan kesalahan jenayah yang dilakukan. Walau bagaimanapun, status kanak-kanak yang berumur melebihi sepuluh tahun, tetapi kurang daripada dua belas tahun, masih lagi diberi perlindungan atau pengecualian undang-undang bersyarat di bawah undang-undang Malaysia. Syaratnya ialah pada masa jenayah dilakukan, mereka dalam lingkungan umur sedemikian, masih belum cukup akal untuk menimbangankan sifat dan kesan perbuatan mereka. Ini diperuntukkan dalam seksyen 83 Kanun Keseksaan sebagaimana berikut:

“Tidaklah menjadi kesalahan apa-apa jua yang dilakukan oleh kanak-kanak yang berumur lebih daripada sepuluh tahun tetapi kurang daripada dua belas tahun yang belum cukup akal untuk menimbangankan keadaan dan akibat perbuatannya pada masa itu”.

Jika pihak pembelaan gagal membuktikan ketidakcukupan akal yang dikehendakki dalam peruntukan tersebut, maka kanak-kanak yang berumur sedemikian sudah dikira boleh bertanggung dan tertakluk kepada hukuman yang disediakan dalam sistem keadilan jenayah negara ini.

Jenayah bunuh merupakan salah satu jenayah terhadap manusia yang paling serius diperuntukkan dalam seksyen 300 Kanun Keseksaan. Menurut peruntukan itu:

“Kecuali dalam hal-hal yang dikecualikan kemudian daripada ini, mematkan orang dengan salah¹ ialah membunuh orang –

¹ Jenayah mematkan orang dengan salah diperuntukkan dalam seksyen 299 Kanun Keseksaan seperti berikut:

“Barangsiapa menyebabkan kematian dengan melakukan suatu perbuatan dengan niat hendak menyebabkan kematian atau dengan niat hendak menyebabkan sesuatu bencana tubuh yang mungkin

- (a) jika perbuatan yang menyebabkan kematian itu dilakukan dengan niat hendak menyebabkan kematian;
- (b) jika perbuatan itu dilakukan dengan niat hendak menyebabkan sesuatu bencana tubuh yang pesalah itu ketahui mungkin menyebabkan kematian orang yang dikenakan bencana itu;
- (c) jika perbuatan itu dilakukan dengan niat hendak menyebabkan bencana tubuh yang dimaksud hendak dikenakan itu adalah cukup, pada lazimnya, bagi menyebabkan kematian; atau
- (d) jika orang yang melakukan perbuatan itu ketahui bahawa perbuatan itu adalah sebegitu sekali berbahaya hingga mungkin sekali menyebabkan kematian, atau sesuatu bencana tubuh yang mungkin menyebabkan kematian, dan ia melakukan perbuatan itu dengan tiada apa-apa sebab bagi mendatangkan bahaya menyebabkan kematian, atau bencana sebagaimana tersebut”.

Sekiranya elemen-elemen yang terkandung dalam seksyen 300 tersebut dibuktikan, maka kanak-kanak dikira bertanggung melakukan jenayah bunuh. Di samping peruntukan ini, Akta Kanak-Kanak 2001 juga telah mengkategorikan jenayah bunuh sebagai salah satu jenayah berat di bawah tafsiran seksyen 2.²

KATEGORI HUKUMAN BAGI KANAK-KANAK YANG MELAKUKAN JENAYAH.

Seksyen 91 Akta kanak-Kanak 2001 telah memperuntukkan beberapa kategori hukuman bagi kanak-kanak yang bersalah melakukan jenayah. Peruntukan tersebut adalah sebagaimana berikut:-

Kuasa Mahkamah Bagi Kanak-Kanak apabila kesalahan dibuktikan.

- (1) Jika Mahkamah Bagi Kanak-Kanak berpuas hati bahawa suatu kesalahan telah dibuktikan Mahkamah itu hendaklah, sebagai tambahan kepada apa-apa kuasa lain yang boleh dijalankan menurut kuasa Akta ini, mempunyai kuasa untuk –
 - (a) memberikan amaran kepada dan melepaskan kanak-kanak itu;

menyebabkan kematian, atau dengan mengetahui bahawa ia mungkin dengan jalan perbuatan itu menyebabkan kematian, adalah melakukan kesalahan mematikan orang dengan salah”.

² Menurut seksyen 2 Akta Kanak-Kanak 2001, jenayah berat termasuklah:

- (a) kesalahan pembunuhan, pematian salah yang bukan pembunuhan atau cubaan membunuh;
- (b) semua kesalahan di bawah Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971;
- (c) semua kesalahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 yang boleh dihukum dengan hukuman pemenjaraan seumur hidup atau dengan hukuman mati;
- (d) semua kesalahan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum dengan hukuman pemenjaraan selama lebih daripada lima tahun atau dengan hukuman mati; dan
- (e) semua kesalahan di bawah Akta Penculikan 1961.

- (b) melepaskan kanak-kanak itu apabila dia menyempurnakan suatu bon untuk berkelakuan baik dan untuk mematuhi apa-apa syarat yang dikenakan oleh Mahkamah;
- (c) memerintahkan supaya kanak-kanak itu diletakkan dalam pemeliharaan seseorang saudara atau orang lain yang layak dan sesuai –
 - (i) selama apa-apa tempoh yang hendaklah ditetapkan oleh Mahkamah; dan
 - (ii) dengan apa-apa syarat yang dikenakan oleh Mahkamah;
- (d) memerintahkan supaya kanak-kanak itu membayar denda, pampasan atau kos;
- (e) membuat suatu perintah percubaan di bawah seksyen 98;
- (f) memerintahkan supaya kanak-kanak itu dihantar ke suatu sekolah diluluskan atau Sekolah Henry Gurney;
- (g) memerintahkan supaya kanak-kanak itu jika seorang lelaki disebut tidak lebih daripada sepuluh kali sebatan dengan rotan yang ringan
 - (i) di premis Mahkamah itu; dan
 - (ii) di hadapan ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak itu jika dia hendak hadir;
- (h) mengenakan ke atas kanak-kanak itu, jika dia berumur empat belas tahun ke atas dan kesalahan itu boleh dihukum dengan hukuman pemenjaraan dan tertakluk kepada subseksyen 96(2), apa-apa tempoh pemenjaraan yang boleh dijatuhkan oleh Mahkamah Sesyen.

Seksyen 91 Akta Kanak-Kanak 2001 telah memperuntukkan tentang kuasa mengenakan hukuman terhadap kanak-kanak oleh Mahkamah Bagi Kanak-Kanak apabila kesalahan kanak-kanak dibuktikan. Berdasarkan peruntukan tersebut berikut adalah jenis hukuman yang diperuntukkan kepada kanak-kanak yang terbukti bersalah melakukan jenayah:-

1. amaran dan melepaskan kanak-kanak
2. dilepaskan setelah menyempurnakan suatu bon berkelakuan baik
3. diletakkan dalam pemeliharaan saudara atau orang yang layak dan sesuai
4. membayar denda, pampasan atau kos
5. dikenakan perintah percubaan
6. dihantar ke sekolah yang diluluskan atau Sekolah Henry Gurney
7. sebatan tidak lebih dari sepuluh kali
8. hukuman penjara, jika kanak-kanak berumur empat belas tahun dan ke atas.

Peruntukan seksyen 91 tersebut berbentuk umum di mana kanak-kanak yang didapati bersalah melakukan apa-apa jenayah akan dihukum berdasarkan kategori hukuman yang tersenarai itu. Namun, bagi jenayah bunuh yang membawa hukuman mati, terdapat peruntukan khusus, yang akan dijelaskan seterusnya.

HUKUMAN ALTERNATIF BAGI KANAK-KANAK YANG MEMBUNUH.

Prinsip perlindungan terhadap kanak-kanak yang melakukan jenayah telah digariskan oleh Konvensyen Bangsa-Bangsa Bersatu Bagi Hak Kanak-Kanak (*United Nations Convention on the Rights of the Child* atau UNCRC). Artikel 40(1) UNCRC menjelaskan bahawa kanak-kanak yang dituduh melakukan jenayah atau yang melanggar undang-undang hendaklah diperlakukan menurut maruah mereka sebagai kanak-kanak dengan menitikberatkan hak-hak kemanusiaan serta mengambil kira umur dan keperluan mereka sebagai manusia yang bakal memainkan peranan konstruktif dalam masyarakat.³ Sementara itu Artikel 37 Konvensyen yang sama juga menyebutkan bahawa kanak-kanak tidak boleh dihukum secara kejam dan dengan tidak berperikemanusiaan. Kanak-kanak juga harus dikecualikan dari hukuman bunuh atau penjara seumur hidup, manakala tangkapan, penahanan dan pemenjaraan kanak-kanak mestilah mengikut undang-undang dan digunakan sebagai jalan terakhir dan untuk tempoh masa yang bersesuaian dan terpendek.⁴

Selari dengan kehendak konvensyen tersebut, seksyen 97 Akta Kanak-Kanak 2001 telah dengan nyatanya memperuntukkan hukuman alternatif bagi kanak-kanak yang membunuh. Berikut adalah peruntukan seksyen 97 Akta Kanak-Kanak 2001.

- “(1) Hukuman mati tidak boleh diumumkan atau direkodkan terhadap seseorang yang disabitkan atas sesuatu kesalahan jika pada hemat mahkamah dia ialah seorang kanak-kanak pada masa kesalahan itu dilakukan.
- (2) Sebagai ganti hukuman mati, mahkamah hendaklah memerintahkan supaya seseorang yang disabitkan atas sesuatu kesalahan ditahan dipenjara selama yang diperkenankan oleh –
- (a) Yang di-Pertuan Agong jika kesalahan itu dilakukan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur atau Wilayah Persekutuan Labuan;

³ Menurut peruntukan ini:-

States parties shall recognize the right of every child alleged as accused of, or recognized as having infringed the penal law to be treated in a manner consistent with the promotion of the child's sense of dignity and worth, which reinforces the child's respect for the human rights and fundamental freedoms of others and which takes into account the child's age and desirability of promoting the child's reintegration and the child's assuming a constructive role in society.

Lihat juga dokumen antarabangsa lain yang menggariskan perkara yang sama seperti *International Covenant On Civil and Political Rights, Convention Against Torture and Other Cruel, Inhuman or Degrading Treatment and Punishment, United Nations Standard Minimum Rules For The Administration of Juvenile Justice (Beijing Rules), United Nations Rules For The Protection of Juveniles Deprived of Their Liberty, United Nations Guidelines for the Prevention of Juvenile Delinquency (The Riyadh Guidelines)* dan *Standard Minimum Rules For The Treatment of Prisoners*.

⁴ Artikel 37 UNCRC berbunyi:-

- (a) *No child shall be subjected to torture or other cruel, inhuman or degrading treatment or punishment. Neither capital punishment nor life imprisonment without possibility of release shall be imposed for offences committed by persons below eighteen years of age;*
- (b) *No child shall be deprived of his or her liberty unlawfully or arbitrarily. The arrest, detention or imprisonment of a child shall be in conformity with the law and shall be used only as a measure of last resort and for the shortest appropriate period of time.*

- (b) Raja atau Yang di-Pertua Negeri, jika kesalahan itu dilakukan di negeri itu.
- (3) Jika mahkamah membuat suatu perintah di bawah sub-seksyen (2), orang itu hendaklah, walau apa pun apa-apa jua dalam Akta ini –
- (a) ditahan di penjara itu dan di bawah apa-apa syarat yang diarahkan oleh Yang di-Pertuan Agong atau Raja atau Yang di-Pertua Negeri; dan
- (b) semasa ditahan sedemikian, disifatkan berada dalam jagaan yang sah.
- (4) Jika seseorang diperintahkan supaya ditahan di penjara di bawah sub-seksyen (2), Lembaga Hakim Pelawat bagi penjara itu –
- (a) hendaklah mengkaji semula kes orang itu sekurang-kurangnya sekali setahun; dan
- (b) boleh mengesyorkan kepada Yang di-Pertuan Agong atau Raja atau Yang di-Pertua Negeri supaya orang itu dilepaskan awal atau ditahan lanjut,

Dan Yang di-Pertuan Agong atau Raja atau Yang di-Pertua Negeri boleh sesudah itu memerintahkan supaya dia dilepaskan atau ditahan lanjut, mengikut mana-mana yang berkenaan”.

BEBERAPA ISU PERUNDANGAN BERHUBUNG HUKUMAN BAGI KANAK-KANAK YANG MEMBUNUH.

Hukuman mati memang tidak sepatutnya dijatuhkan ke atas kanak-kanak walau seberat manapun jenayah atau kesalahan yang kanak-kanak lakukan. Jika tidak ia akan bercanggah dengan garis panduan artikel 37 UNCRC dan juga kebanyakan konvensyen antarabangsa yang lain.⁵ Kewujudan seksyen 97 Akta Kanak-Kanak 2001 menunjukkan bahawa kerajaan Malaysia telah memperkenalkan undang-undang yang selari dengan kehendak konvensyen antarabangsa yang menyatakan kanak-kanak di bawah umur lapan belas tahun tidak boleh dijatuhkan hukuman bunuh.⁶

Sehubungan dengan penggubalan hukuman ganti tersebut, terdapat beberapa isu perundangan penting yang perlu difokuskan dalam pemakaiannya. Pertamanya; sama ada seksyen 97 tersebut wajib diaplikasikan oleh mahkamah, apabila kanak-kanak didapati bersalah melakukan jenayah bunuh? Keduanya, adakah seksyen 91 mengenai jenis-jenis hukuman bagi kanak-kanak, boleh digunakan untuk menghukum kanak-kanak yang membunuh, selain seksyen 97? Akhirnya, setakatmanakah peruntukan seksyen 97 itu dikatakan sebagai tidak berperlembagaan, yang

⁵ Umpamanya dalam Artikel 6, *International Covenant On Civil and Political Rights (ICCPR)* dan Peraturan 17(2) *United Nations Standard Minimum Rules for the Administration of Juvenile Justice (Beijing Rules 1985)*.

⁶ Lihat kes *Kok Wah Kuan v Pengarah Penjara Kajang, Selangor Darul Ehsan* [2004] 5 MLJ 193 di mana Yang Arif Hakim Heliliah mengeluarkan kenyataan berikut: “Section 97 of the Child Act 2001 shows that the Government of Malaysia has introduced legislation which is in consonance with its international obligation under the Convention on the Rights of the Child since the Convention has prescribed that no capital punishment shall be imposed on persons below the age of eighteen.”

menyebabkan seksyen tersebut tidak boleh digunakan? Isu-isu ini perlu diberi perhatian dan dipertimbangkan apabila membincangkan kedudukan hukuman bagi kanak-kanak yang membunuh.

SAMA ADA HUKUMAN DI BAWAH SEKSYEN 91 TERPAKAI BAGI KES-KES BUNUH OLEH KANAK-KANAK?

Memandangkan seksyen 97 Akta Kanak-Kanak 2001 telah dengan spesifiknya memperuntukkan tentang hukuman gantian bagi hukuman mati ke atas kanak-kanak, maka adalah dirasakan bahawa peruntukan seksyen 91 Akta yang sama itu, sudah dengan sendirinya tidak boleh dipakai dalam kes-kes kanak-kanak yang membawa hukuman mati. Kesan dari kewujudan seksyen 97 itu juga, menunjukkan bahawa kategori hukuman yang tersenarai di bawah seksyen 91 itu hanya terpakai kepada kanak-kanak yang didapati bersalah dengan jenayah lain, selain dari jenayah bunuh, atau jenayah yang membawa hukuman mati.

Penulis bersetuju dengan pandangan yang dikemukakan oleh Yang Arif Hakim Augustine Paul dalam kes *PP v Mohd Redzuan bin Saibon*⁷ yang hanya berpegang kepada seksyen 16 Akta Mahkamah Juvana 1947⁸ ketika itu dalam menjatuhkan hukuman ke atas pesalah kanak-kanak yang dituduh mengedar dadah di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952⁹. Menurut hakim tersebut, dalam memutuskan hukuman terhadap kesalahan yang membawa hukuman mati mandatori, hakim tidak mempunyai pilihan lain, selain dari membuat perintah mengikut seksyen 16 Akta lama itu, iaitu ditahan menurut perkenan Yang diPertuan Agong. Petikan kenyataan beliau ialah:

*"The order under section 16 of the Juvenile Courts Act 1947 was a mandatory sentence, exclusively for juvenile offenders that were found guilty of an offence which carried the death sentence and was not the maximum sentence that may be carried out and other lesser sentences may be imposed on the accused".*¹⁰

Seksyen tersebut telah diganti dengan seksyen 97 Akta Kanak-Kanak 2001, maka ternyata peruntukan tersebut bukan merupakan hukuman maksimum. Manakala hukuman lain yang lebih ringan juga tidak boleh dijatuhkan terhadap pesalah. Hanya satu perintah sahaja iaitu tahanan di bawah limpah perkenan Yang di-Pertuan Agong yang diperuntukkan dalam seksyen tersebut. Ini dapat mengelakkan dari timbulnya hukuman yang berbeza-beza dan tidak konsisten dalam menghukum jenayah yang membawa hukuman mati.

⁷ [2002] 5 MLJ 339.

⁸ Seksyen ini merupakan peruntukan lama dari Akta Mahkamah Juvana 1947 yang telah dimansuhkan, dan telah digantikan dengan seksyen 97 Akta Kanak-Kanak 2001.

⁹ Hukuman bagi jenayah ini juga merupakan hukuman bunuh, justeru itu adalah wajar kes ini dirujuk dalam konteks hukuman yang dikenakan ke atas kanak-kanak.

¹⁰ [2002] 5 MLJ 339, hlm. 343.

SEKSYEN 97 AKTA KANAK-KANAK 2001 DAN KES *KWK (A CHILD) V PP*¹¹

Isu berhubung peruntukan hukuman gantian ini telah diperdebatkan dalam kes *KWK (A Child) v PP*¹² dan telah mengundang pelbagai spekulasi. Tertuduh dalam kes ini ialah kanak-kanak yang berumur dua belas tahun, telah disabitkan dengan kesalahan membunuh di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman mati.

Tertuduh telah menikam mangsa yang berumur sebelas tahun sebanyak dua puluh kali dengan objek tajam. Mahkamah Tinggi memutuskan bahawa kanak-kanak ini bersalah membunuh dan memerintahkan tertuduh ditahan di penjara selama tempoh yang diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong, menurut seksyen 97(2) Akta Kanak-Kanak 2001.

Tertuduh telah memfailkan usul untuk penggantungan pelaksanaan hukuman tersebut di Mahkamah Rayuan. Antara hujah yang dikemukakan untuk menyokong permohonan tersebut ialah :-

1. Ia akan mengambil masa yang lama untuk rayuan itu didengar; dan memberi kesan kepada Lembaga Pelawat untuk membuat syor mereka seperti yang diperuntukkan oleh seksyen 97(4) Akta.
2. Rayuan melibatkan satu perkara undang-undang yang baru.
3. Pendidikan kanak-kanak akan terjejas.¹³

Mahkamah telah menolak hujah-hujah tersebut dan menolak permohonan penggantungan pelaksanaan itu kerana berpendapat bahawa tiada sebab-sebab khusus yang boleh menjustifikasikan penggantungan pelaksanaan itu. Terdapat beberapa alasan yang dikemukakan oleh mahkamah dalam menolak permohonan itu. Dalam konteks hukuman yang dikenakan ke atas tertuduh, mahkamah mengatakan bahawa ia adalah untuk tempoh masa yang tidak tentu. Ia bergantung kepada syor yang mungkin dibuat oleh Lembaga Pelawat menurut seksyen 97(4) Akta Kanak-Kanak 2001. Jadi, tempoh tahanan kanak-kanak itu tidak dapat dijangkakan. Dalam kes ini tempoh di mana rayuan akan didengar adalah lebih penting, ia mungkin mengambil masa satu tahun untuk rayuan jenayah dari Mahkamah Tinggi untuk didengar dan ini adalah munasabah untuk menunggu pendengaran rayuan.

Di samping itu mahkamah menegaskan bahawa kanak-kanak itu boleh memohon kepada Presiden Mahkamah Rayuan untuk tarikh lebih awal. Ini berdasarkan kepada seksyen 95(3) Akta Kanak-Kanak 2001 yang memperuntukkan bahawa Mahkamah Tinggi akan dalam semua rayuan jenayah dari Mahkamah Bagi Kanak-Kanak, membuat keputusan dalam masa 12 bulan selepas notis rayuan

¹¹ [2003] 4 MLJ 479.

¹² [2003] 4 MLJ 479.

¹³ Laporan akhlak yang dikemukakan memihak kepada kanak-kanak itu di mana kanak-kanak itu adalah pesalah kali pertama dan tiada kemungkinan kanak-kanak itu melakukan kesalahan seumpamanya. Peguam juga menghujahkan bahawa tarikh pendengaran yang lebih awal terdahulu daripada kes-kes yang belum selesai akan melanggar perkara 8(1) Perlembagaan Persekutuan (iaitu berhubung kesamarataan di sisi undang-undang).

difailkan¹⁴. Perkara ini tidak bercanggah dengan perkara 8(1) Perlembagaan Persekutuan sebagaimana yang dikehendaki peguam.

Hujah peguam yang mengatakan hukuman memberi kesan kepada Lembaga Pelawat untuk membuat syor mereka seperti yang diperuntukkan oleh seksyen 97(4) Akta Kanak-Kanak 2001 juga ditolak dan dianggap tidak mempunyai merit. Menurut mahkamah, Lembaga Pelawat boleh terus berfungsi walaupun rayuan itu belum selesai. Lembaga Pelawat mungkin mengesyorkan supaya kanak-kanak itu dibebaskan. Sebaliknya jika kanak-kanak dilepaskan atas jaminan, hak beliau di bawah seksyen 97(4) akan dilewatkan. Ini akan memprejudiskan pembebasan awal kanak-kanak itu. Berhubung dengan pendidikan kanak-kanak yang dikehendaki sebagai terjejas oleh peguam, mahkamah menegaskan bahawa Akta Kanak-Kanak 2001 melalui seksyen 95(2)¹⁵ menyatakan bahawa rayuan tidak boleh berfungsi sebagai penggantungan pelaksanaan, kecuali diperintahkan sebaliknya. Ini bermakna mungkin terdapat keadaan di mana penggantungan pelaksanaan tidak akan diberikan kepada kanak-kanak. Mungkin disebabkan keadaan-keadaan lain mengatasi kepentingan kanak-kanak itu. Mahkamah memutuskan bahawa pendidikan seorang kanak-kanak tidak boleh menjadi kesan yang mengatasi dalam permohonan penggantungan pelaksanaan seperti kes ini.¹⁶

Daripada yang dikehendaki dalam kes tersebut, ternyata bahawa sungguhpun tempoh tahanan kanak-kanak adalah tidak tetap, namun hak kanak-kanak itu masih dilindungi dengan kewujudan sub-seksyen (4), seksyen 97. Lembaga Hakim Pelawat boleh mengkaji semula kes dan boleh mengesyorkan kepada Yang diPertuan Agong atau Raja atau Yang diPertuan Negeri untuk membebaskan kanak-kanak itu ataupun menahannya dengan lebih lama.

¹⁴ Lihat seksyen 95(3) Akta Kanak-Kanak 2001 yang menyatakan seperti berikut:-

"Mahkamah Tinggi hendaklah, dalam semua rayuan jenayah yang bermula daripada Mahkamah Bagi Kanak-Kanak, membuat keputusan muktamadnya dalam masa dua belas bulan selepas notis rayuan difailkan."

¹⁵ Seksyen 95(2) memperuntukkan:-

Kecuali dalam hal sebatan yang pelaksanaannya hendaklah ditangguhkan sementara menanti rayuan, tiada rayuan boleh berkuatkuasa sebagai penggantungan pelaksanaan, tetapi Mahkamah Bagi Kanak-Kanak boleh menggantungan pelaksanaan mana-mana penghakiman atau perintah sementara menanti rayuan, atas apa-apa terma tentang jaminan bagi pembayaran apa-apa wang atau pelaksanaan atau ketidaklaksanaan mana-mana perbuatan atau perjalanan mana-mana hukuman yang diperintahkan oleh atau dalam penghakiman atau perintah itu sebagaimana yang difikirkan munasabah oleh Mahkamah Bagi Kanak-Kanak itu.

¹⁶ Kenyataan mahkamah dalam hal ini adalah seperti berikut:-

It must be observed that the act which was promulgated to ensure the care, protection and rehabilitation of children itself provides, by its section 95(2), that an appeal shall not operate as a stay of execution unless it is otherwise ordered. This means that there may be instances when a stay of execution shall not be granted to a child. It would obviously be for the reason that in such cases the other circumstances must prevail over the interests of a child. This in turn would mean that the act must have in contemplation the fact that when a stay of execution is not granted there will necessarily be a disruption in the normal life of a child which would include his education. The education of a child cannot therefore be treated as having an over-riding effect in an application for stay.

[2003] 4 MLJ 479, hlm. 492.

ISU KETIDAKPERLEMBAGAAN SEKSYEN 97 AKTA KANAK-KANAK 2001.

Pihak peguambela yang tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut sekali la merayu ke Mahkamah Rayuan pada 12 Julai 2007¹⁷. Isu-isu yang dikemukakan peringkat rayuan kes ini ialah sama ada doktrin pengasingan kuasa adalah bahagian penting Perlembagaan dan, samada seksyen 97 Akta Kanak-Kanak 2001 itu telah mencabuli doktrin pengasingan kuasa tersebut. Dalam menyelesaikan isu-isu yang dikemukakan, Mahkamah Rayuan telah mengeluarkan keputusan bahawa seksyen 97(2) Akta Kanak-Kanak 2001 adalah tidak berperlembagaan ('*unconstitutional*'). Malah peruntukan tersebut dikatakan bertentangan dengan doktrin pengasingan kuasa yang sememangnya merupakan perkara penting dalam Perlembagaan Persekutuan Berikutan itu juga, perundangan negara ini dikatakan tidak mempunyai peruntukan untuk menghukum kanak-kanak yang melakukan jenayah bunuh. Menurut Yang Ari Gopal Sri Ram:-

*We must with like regret, follow suit. Here, Parliament has said that the appellant shall not by reason of his age, receive the capital punishment but has made no valid law conferring power upon the courts to impose some other sentence.*¹⁸

Melihat kepada keputusan kes di peringkat Mahkamah Rayuan ini, seksyen 97(2) Akta Kanak-Kanak 2001 diisytiharkan sebagai tidak sah dan tidak berperlembagaan. Oleh kerana ia bercanggah maka ia diputuskan sebagai tidak sah dan tidak berperlembagaan. Kesannya menyebabkan mahkamah berpendapat bahawa tiada apa-apa peruntukan kini dalam perundangan yang boleh menghukum kanak-kanak yang melakukan jenayah bunuh.

Jika demikian keputusan Mahkamah Rayuan terhadap kedudukan seksyen 97(2) Akta itu, ia bukan bermakna tiada peruntukan hukuman bagi kanak-kanak yang membunuh, malah ia juga memberi kesan kepada hukuman bagi kanak-kanak yang melakukan jenayah lain selain membunuh, yang membawa hukuman mati¹⁹. Adalah suatu perkara yang sedia maklum bahawa peruntukan alternatif tersebut bagi kanak-kanak sudah lama diperuntukkan dalam perundangan negara iaitu sejak diwujudkan Akta Mahkamah Juvana 1947.²⁰ Memandangkan hukuman mati tidak boleh dijatuhkan ke atas kanak-kanak yang membunuh atau yang melakukan jenayah yang membawa hukuman mati, ia perlu digantikan dengan perintah penahanan di penjara selama tempoh yang diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong. Bagi penulis, isu

¹⁷ Lihat *Kok Wah Kuan v Pendakwa Raya* [2007] 4 AMR 568.

¹⁸ Lihat *Kok Wah Kuan v Pendakwa Raya* [2007] 4 AMR 568, hlm. 577.

¹⁹ Antara jenayah lain yang membawa hukuman bunuh ialah kesalahan mengedar dadah di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 dan kesalahan berhubung keselamatan negara di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960.

²⁰ Lihat seksyen 16 Akta Mahkamah Juvana 1947.

sama ada hukuman sedemikian sah atau tidak sah tidak seharusnya dipertikaikan, memandangkan Yang di-Pertuan Agong hanya bertindak memperkenankan tempoh pemenjaraan yang sesuai dengan kesalahan yang dilakukan, manakala yang menjatuhkan hukuman atau dapatan bersalah terhadap kanak-kanak itu masih lagi mahkamah. Justeru tidak timbul persoalan sama ada peruntukan demikian bercanggah dengan prinsip pengasingan kuasa yang diamalkan dalam sistem perundangan negara.

Kedudukan perkara ini telah dijelaskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam penghakimannya pada 23 Oktober 2007²¹, di mana Yang Arif Hakim Abdul Hamid Mohamad menegaskan bahawa kuasa kehakiman masih terletak pada mahkamah, tetapi mengikut undang-undang, sifat dan had kuasa itu bergantung kepada apa yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan. Undang-undang persekutuan memperuntukkan hukuman mati tidak boleh direkodkan ke atas pesalah kanak-kanak. Itu adalah had kuasa kehakiman mahkamah yang dikenakan oleh undang-undang. Manakala kuasa menghukum yang diberikan oleh undang-undang persekutuan kepada mahkamah ialah pesalah kanak-kanak perlu ditahan selama perkenan Sultan atau Yang di-Pertuan Agong. Menurut hakim lagi, doktrin pengasingan kuasa bukan sesuatu yang mutlak, malah perlaksanaannya berbeza dari satu negara kepada negara yang lain bergantung pada tahap penerimaan dan cara ia diperuntukkan dalam Perlembagaan sesebuah negara²².

KESIMPULAN.

Perbincangan isu perundangan berhubung hukuman bagi jenayah bunuh oleh kanak-kanak mendapati bahawa, kewujudan seksyen 97 Akta Kanak-Kanak 2001 sebenarnya sangat bertepatan dengan kehendak konvensyen antarabangsa kanak-kanak. Apabila seksyen tersebut dengan jelas dan khususnya menyatakan bentuk hukuman gantian bagi hukuman mati, maka sepatutnya, seksyen 91 yang memperuntukkan kategori hukuman lain itu, tidak seharusnya terpakai kepada kanak-kanak yang didapati bersalah dengan hukuman mati. Perlu juga ditegaskan bahawa peruntukan seksyen 97 bukan merupakan hukuman maksimum bagi jenayah bunuh oleh kanak-kanak, malah ia adalah hukuman khusus yang diperuntukkan oleh undang-undang sebagai alternatif kepada hukuman mati. Ini bermakna selain dari jenayah bunuh, jenayah berat dan serius yang lain yang memperuntukkan hukuman

²¹ Lihat *Pendakwa Raya v Kok Wah Kuan*, kes Rayuan Jenayah No. 05-46-2007(W).

²² "...Our constitution does have the features of the separation of powers and at the same time, it contains features which do not strictly comply with the doctrine. To what extent the doctrine applies depends on the provisions of the Constitution. A provision of the Constitution cannot be struck out on the ground that it contravenes the doctrine. Similarly no provision of the law may be struck out as unconstitutional if it is not inconsistent with the Constitution, even though it may be inconsistent with the doctrine. The doctrine is not a provision of the Malaysian Constitution, even though no doubt, it had influenced the framers of the Malaysian Constitution....."

mati²³, juga adalah tertakluk kepada seksyen 97. Manakala is ketidakberperlembagaan peruntukan tersebut juga tidak sepatutnya ditimbulka langsung dalam konteks hukuman tersebut, kerana ia secara jelas masih meletakka hukuman itu di tangan hakim yang membicarakan kes. Yang di-Pertuan Agong hany bertindak memperkenankan tempoh tahanan kanak-kanak yang bersalah itu. Justeru untuk mengelakkan dari timbulnya hukuman yang berbeza-beza atau tidak konsisten maka mahkamah seharusnya menjatuhkan satu jenis hukuman sahaja, iaitu berdasarkan seksyen 97 Akta Kanak-Kanak 2001, sekiranya membabitkan kanak kanak yang melakukan jenayah bunuh, atau pun jenayah lain yang membawa hukuman mati.

Dr. Anita Abd Rahim
Pensyarah Kanan
Fakulti Undang-Undang
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600, Bangi
Selangor.
aar@ukm.my

²³ Umpamanya kesalahan-kesalahan di bawah seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 berhubung pengedaran dadah dan, seksyen 57 Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 berhubung pemilikan senjataapi yang tidak sah di sisi undang-undang.